

MEMBAKUT DIPETAKAN SEMULA: TRANSFORMASI SEMPADAN MELALUI GIS, STATISTIK & DATA RUANG

Pewartaan Daerah Membakut

Daerah Membakut telah diwartakan sebagai daerah penuh pada 30 Mac 2022 dengan keluasan sekitar 954 kilometer persegi. Majoriti populasi etnik penduduk di daerah ini adalah Melayu Brunei iaitu 43 peratus diikuti oleh Kadazan 37 peratus dan Bumiputera Lain 11 peratus.

Dalam era perancangan berasaskan data, persempadanan semula bukan lagi sekadar melakar garisan di peta ianya kini didorong oleh teknologi. Daerah Membakut menjadi contoh bagaimana aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS), statistik dan analisis spasial digunakan untuk menstruktur semula tadbir urus secara lebih berkesan, adil dan berpandangan jauh.

Artikel ini meneroka bagaimana GIS digunakan untuk memetakan sempadan baharu daerah Membakut dengan mengambil kira faktor geografi, populasi, kemudahan awam dan keperluan pembangunan. Melalui pemetaan digital dan sokongan data statistik, sempadan baharu dibentuk bukan sahaja untuk kejelasan pentadbiran, tetapi juga untuk memastikan keseimbangan pembangunan antara kawasan. Infografik dan peta perubahan turut disertakan bagi membantu pembaca memahami impak langsung terhadap komuniti dan landskap daerah.

Persempadanan semula merupakan satu proses penting dalam struktur pentadbiran sesebuah negara/ negeri/ wilayah/ daerah pentadbiran, khususnya di peringkat kerajaan tempatan. Ia merujuk kepada tindakan menyusun semula sempadan geografi kawasan pentadbiran seperti mukim, kampung, atau zon Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan tujuan menyesuaikan struktur pentadbiran dengan perubahan semasa serta keperluan. Proses ini sering dikaitkan dengan usaha menaik taraf status sesuatu kawasan kepada daerah penuh bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengagihan sumber dan pembangunan tempatan.

Dalam konteks pentadbiran kerajaan tempatan, persempadanan semula berlaku apabila sempadan sedia ada diubah untuk menyesuaikan kawasan yang semakin pesat membangun, padat penduduk atau mempunyai keperluan khas dari segi logistik dan pentadbiran. Ia dilakukan berdasarkan kajian teknikal yang melibatkan data geografi, demografi, ekonomi dan sosial. Hasil daripada proses ini, sempadan baru akan diwujudkan bagi membolehkan pengurusan yang lebih tersusun dan berkesan.

Salah satu hasil utama daripada persempadanan semula ialah pengiktirafan sesebuah kawasan sebagai daerah penuh. Ini bermakna kawasan tersebut tidak lagi berada di bawah pentadbiran daerah lain, tetapi berfungsi sebagai entiti pentadbiran yang mempunyai:

1

Pejabat Daerah

2

Pegawai Daerah


3

Kemudahan
Pentadbiran

4

Peruntukan
Kewangan

Rajah 1: Peta Sempadan Daerah Membakut, Sabah



Sumber : Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah

1



Daerah Membakut yang sebelum ini di bawah pentadbiran daerah Beaufort dan Papar telah melalui proses persempadanan semula dengan tujuan untuk dijadikan sebuah daerah penuh. Proses ini melibatkan pemetaan semula menggunakan teknologi GIS, analisis statistik penduduk serta penilaian infrastruktur sedia ada. Dengan pengiktirafan ini, Membakut kini berpeluang membangunkan identiti sendiri serta mengurus hal ehwal penduduknya dengan lebih bersistematik.

Antara Sebab Utama Persempadanan Semula Dilakukan Termasuklah:

- 1. **Pertambahan Penduduk** – Kawasan yang semakin padat memerlukan struktur tadbir urus yang lebih khusus dan fokus.
- 2. **Pembangunan Ekonomi** – Daerah baru boleh merancang pembangunan industri, pelancongan dan pertanian secara lebih tersusun.
- 3. **Kecekapan Pentadbiran** – Proses membuat keputusan dan menyampaikan perkhidmatan awam dapat dipercepat dan dipertingkat.
- 4. **Pengagihan Sumber yang Adil** – Kawasan yang sebelum ini terpinggir akan mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak kerajaan.

GIS memainkan peranan yang sangat penting dalam proses persempadanan semula, khususnya bagi tujuan pengiktirafan sesebuah kawasan sebagai daerah penuh. Melalui GIS, sempadan baharu dapat dipetakan dengan tepat berdasarkan gabungan data geografi, bilangan penduduk, lokasi infrastruktur serta faktor fizikal dan sosioekonomi. Ketepatan ini menjamin bahawa sempadan yang dibentuk adalah praktikal, logik dan menepati keperluan pentadbiran serta masyarakat. GIS juga membolehkan visualisasi sempadan dalam bentuk peta digital, peta interaktif dan peta tematik yang sangat membantu dalam sesi libat urus bersama komuniti serta perbincangan dasar antara agensi. Kaedah ini meningkatkan kefahaman rakyat terhadap rasional sempadan baharu dan mengurangkan potensi bantahan atau kekeliruan. Selain itu, GIS menyokong dokumentasi rasmi yang berasaskan bukti, telus dan boleh diaudit, menjadikannya selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik. Ia turut memudahkan pemantauan sempadan dan kemas kini masa depan. Justeru, penggunaan GIS memastikan proses persempadanan semula dilakukan secara sistematik, menyeluruh dan berfokus kepada keperluan rakyat serta menyokong pembangunan wilayah yang lebih mampan.

Statistik & Analisis Spasial

Perbandingan statistik penduduk sebelum dan selepas persempadanan:

Jadual 1: Statistik Penduduk Daerah Membakut, Sabah

Perkara	2020	2024
Jumlah Penduduk	-	47,776
Jumlah Taraf Warganegara		
-Warganegara		44,273
-Bukan Warganegara		3,503
Jantina	-	
-Lelaki		24,707
-Perempuan		23,069


Jadual 2: Kepadatan Penduduk Daerah Membakut, Sabah

Perkara	2020	2024
Luas Kawasan (KM ²)	-	958
Jumlah Penduduk		47,776
Kepadatan Penduduk (orang per kilometer persegi)		49.9

Sumber : DOSM Negeri Sabah


Berdasarkan Jadual 1, bilangan penduduk pada tahun 2024 daerah Membakut selepas menjadi daerah penuh merekodkan sebanyak 47,776 orang yang terdiri daripada 44,273 orang (92.7 peritus) adalah warganegara dan 3,503 orang (7.3 peritus) adalah bukan warganegara. Daerah Membakut juga memperlihatkan nisbah jantina lelaki kepada perempuan adalah 107 nisbah 100. Manakala dari perspektif kepadatan penduduk, daerah Membakut mencatatkan 49.9 orang per kilometer persegi daripada keluasan keseluruhan 958 kilometer persegi daerah ini.

Rajah 2: Kepadatan Penduduk Tahun 2024 di Daerah Membakut, Sabah




Rajah 2 menunjukkan taburan kepadatan penduduk daerah Membakut mengikut blok penghitungan. Terdapat lima pecahan kepadatan telah dikategorikan. Kawasan yang berkepadatan tinggi dalam lingkungan 6,137 hingga 9,437 orang penduduk perkilometer persegi iaitu pekan Membakut, Bongawan dan Kimanis. Ini berikutan kawasan penumpuan pembangunan awal sebelum wujudnya daerah penuh Membakut.

Rajah 3: Lokasi Utama dan Kemudahan di Daerah Membakut, Sabah



Rajah 3 menunjukkan taburan lokasi utama dan kemudahan di daerah Membakut, termasuk pusat pentadbiran, institusi pendidikan, kemudahan kesihatan, tempat ibadah serta jaringan jalan raya utama. Taburan ini memberikan gambaran tentang agihan fizikal kemudahan yang menyokong pembangunan sosioekonomi daerah, serta mencerminkan kepadatan pembangunan dan aksesibiliti penduduk terhadap perkhidmatan asas di kawasan tersebut.

Rajah 4: Statistik Kemudahan Kesihatan, Keselamatan, Pendidikan dan Pertubuhan Perniagaan, Daerah Membakut, Sabah



Rajah 4 menggambarkan statistik komprehensif berkaitan kemudahan kesihatan, keselamatan, pendidikan, serta pertubuhan perniagaan yang terdapat di daerah Membakut, Sabah. Dari segi kemudahan kesihatan, klinik desa mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 6 buah, diikuti oleh 3 buah klinik kesihatan dan 1 buah klinik komuniti yang beroperasi sehingga tahun 2024. Ini mencerminkan usaha memperluas akses penjagaan kesihatan asas kepada komuniti luar bandar di daerah ini.

Bagi sektor pendidikan, terdapat 34 buah sekolah rendah berbanding hanya 6 buah sekolah menengah, menandakan tumpuan yang tinggi terhadap pendidikan peringkat awal. Jumlah guru yang bertugas di sekolah rendah ialah seramai 647 orang, manakala sekolah menengah mencatatkan 326 orang guru. Dari sudut *enrolmen*, sekolah rendah mempunyai 5,702 orang murid, manakala sekolah menengah mencatatkan 3,811 orang murid, menunjukkan keperluan berterusan terhadap penambahan infrastruktur dan tenaga pengajar khususnya di peringkat menengah.


Sementara itu, dalam sektor ekonomi, pasca persempadanan semula daerah, direkodkan sebanyak 444 pertubuhan perniagaan yang beroperasi di Membakut. Daripada jumlah ini, sektor perkhidmatan mendominasi dengan 347 pertubuhan, diikuti oleh sektor pembinaan (80 pertubuhan) dan sektor pembuatan (11 pertubuhan) serta sektor pertanian (3 pertubuhan). Ini menunjukkan kecenderungan ekonomi daerah yang lebih tertumpu kepada aktiviti perkhidmatan dan pembinaan, selari dengan arus pembangunan semasa.

Secara keseluruhan, statistik yang ditunjukkan dalam Rajah 4 memberikan gambaran jelas tentang komposisi dan agihan semasa kemudahan asas serta aktiviti ekonomi di daerah penuh Membakut, khususnya selepas proses persempadanan semula dilaksanakan. Data ini penting sebagai asas perancangan strategik pembangunan yang lebih seimbang dan inklusif pada masa hadapan.



Sumber : Gambar Bangunan Urusetia Daerah Membakut

Rajah 5: Taburan Bilangan dan Lokasi Sektor Utama di Daerah Membakut, Sabah



Sumber : 1. Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah
2. DOSM Sabah

Rajah 5 memaparkan taburan bilangan pertubuhan perniagaan di daerah Membakut, Sabah. Berdasarkan data yang direkodkan, terdapat sebanyak 444 buah pertubuhan perniagaan yang beroperasi di daerah ini, mencerminkan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang aktif selepas persempadanan semula dilakukan.


Daripada jumlah tersebut, sektor perkhidmatan mendominasi dengan 347 buah pertubuhan, menunjukkan kebergantungan ekonomi tempatan terhadap aktiviti perdagangan, peruncitan, perkhidmatan makanan dan minuman serta pelbagai perkhidmatan lain. Sektor pembinaan pula menyumbang 80 buah pertubuhan, selari dengan peningkatan projek-projek infrastruktur dan perumahan yang sedang berkembang di kawasan ini. Diikuti oleh sektor pembuatan 11 pertubuhan Sementara itu, sektor pertanian hanya mencatatkan 3 buah pertubuhan, yang mungkin mencerminkan peralihan kegiatan ekonomi daripada tradisi agraria kepada sektor yang lebih moden dan berintensifkan modal.

Taburan geografi menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pertubuhan perniagaan tertumpu di kawasan pekan Membakut dan Bongawan. Tumpuan ini menandakan bahawa kedua-dua kawasan tersebut berperanan sebagai pusat ekonomi utama daerah, dengan kemudahan asas dan aksesibiliti yang lebih baik berbanding kawasan luar bandar.


Keseluruhannya, pola ini menggambarkan kecenderungan ekonomi daerah Membakut yang lebih tertumpu kepada sektor perkhidmatan dan pembinaan, sejajar dengan arus pembangunan dan pemodenan yang sedang berlaku di kawasan berkenaan.



Rajah 6: Visual Peta Daerah Membakut, Sabah (Sebelum)



Rajah 7: Visual Peta Daerah Membakut, Sabah (Selepas)



Sumber : Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah

Pada asalnya, kawasan yang kini dikenali sebagai daerah Membakut merupakan sebahagian daripada pentadbiran daerah Beaufort dan juga daerah Papar. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas melalui Rajah 6 yang dipaparkan di atas, yang menunjukkan bagaimana kawasan-kawasan tertentu di Membakut dahulunya terletak di bawah dua pentadbiran berasingan.

Rajah 6 memperlihatkan peta sebelum proses persempadanan semula dijalankan, di mana sebahagian besar kawasan Membakut berada di bawah jajahan daerah Papar. Aspek pentadbiran, perkhidmatan awam dan pembangunan infrastruktur merangkumi kawasan yang luas dan mempunyai ramai penduduk.

Namun, selepas pewartaan rasmi sebagai sebuah daerah penuh, satu proses pendigitalan dan penentuan semula sempadan telah dilaksanakan secara sistematik dan berdasarkan data geospasial yang tepat. Hasil daripada inisiatif ini dapat dilihat dalam Rajah 7, yang menunjukkan sempadan baharu daerah Membakut yang lebih memfokus, tersusun dan bersandarkan kepada garis panduan rasmi serta pertimbangan geografi dan demografi yang lebih saksama.

Kesimpulan

Persempadanan semula daerah Membakut bukan sekadar perubahan sempadan fizikal tetapi suatu transformasi menyeluruh dalam tadbir urus tempatan. Melalui pendekatan berasaskan data dan teknologi seperti GIS, daerah ini berjaya dibentuk semula dengan lebih berkesan, adil dan terancang. Proses ini bukan sahaja memperkukuh identiti pentadbiran Membakut, malah membuka ruang pembangunan sosioekonomi yang lebih seimbang dan inklusif. Justeru, pendekatan ini harus dijadikan model dalam merancang wilayah masa depan yang mampan, responsif terhadap keperluan rakyat serta selari dengan prinsip ketelusan dan keterangkuman.